

05 JUL 2002

Khair-Pasaraya

PERMOHONAN BINA PASARAYA HIPER DI SELANGOR DITANGANI SATU PERSATU

SHAH ALAM, 5 Julai (Bernama) -- Selangor akan menangani setiap permohonan pembinaan pasaraya hiper secara satu persatu untuk mengelakkan kewujudannya menjejaskan golongan peniaga kecil bumiputera, kata Menteri Besar Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo.

Beliau berkata, setiap permohonan akan dimajukan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk pelepasan sebelum diluluskan kerajaan negeri.

"Permohonan juga perlu tertakluk kepada panduan yang ditetapkan kementerian. Kepada mereka yang ingin buat hypermarket di Selangor, buat permohonan seawal boleh.

"Kita akan bincangkan perkara itu dan kalau boleh jangan `commit' dari segi kewangan jika belum mendapat kelulusan dari kerajaan negeri," katanya kepada pemberita selepas majlis perjumpaan dengan wakil Kesatuan Penghulu dan Penggawa Malaysia Cawangan Selangor di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, yang mengingatkan kerajaan negeri supaya mengamalkan dasar yang tidak bercanggah dengan kerajaan pusat.

Dr Mahathir dilaporkan berkata, timbul soal pasaraya hiper yang terlalu banyak, kadang-kadang tidak dibenarkan dalam Wilayah Persekutuan tetapi dibenarkan di Selangor.

Dr Mohamad Khir berkata, pasaraya yang dibina sekarang termasuk yang terbaru, Tesco di Puchong telah diluluskan sebelum arahan dikeluarkan kerajaan persekutuan agar menghentikan pasaraya hiper buat sementara.

"Kita mengambil berat pandangan Dr Mahathir mengenai keselarasan antara pusat dan kerajaan negeri. Kita dah rancang buat bazar untuk peniaga kecil dan sudah ada dua atau tiga yang siap pada tahun ini," katanya.

Beliau berkata, terdapat lima buah pasaraya hiper di Selangor dan memang ada perancangan untuk menghadkan bilangannya, kerana kerajaan tidak mahu persaingan antara mereka boleh menjejaskan peniaga kecil.

Namun dalam masa yang sama, pasaraya hiper tidak boleh ditutup kerana pasaran Industri Kecil dan Sederhana (IKS) tempatan bergantung kepada pasaraya berkenaan. katanya.

Mengenai cadangan pembukaan satu lagi cawangan pasaraya Tesco di Shah Alam, beliau berkata permohonan itu tidak diluluskan sebab kerajaan berpendapat dua pasaraya hiper iaitu Giant Hypermarket dan Makro yang wujud kini sudah mencukupi untuk penduduk Shah Alam.

-- BERNAMA

SHS HM